



Kedaaan bas ekspres yang terbabas dan terbalik dalam kemalangan di Lebu Raya Utara-Selatan (PLUS) di Kilometer 107.2 Lebu Raya Utara-Selatan berhampiran Yong Peng, Johor, semalam.

3 maut nahas di Yong Peng

B/H 29/1/14 Ms 202

» 15 cedera bas ekspres terbalik selepas rempuh penghadang

Oleh Mohamed Farid Noh
mfarid@bh.com.my

► Batu Pahat

Tiga penumpang maut, manakala 15 lagi cedera, apabila bas ekspres dinaiki mereka terbalik selepas terbabas dan merempuh penghadang di Kilometer 107.2 Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran Yong Peng, petang semalam.

Dalam kemalangan jam 2.10 petang itu, Mohd Sofwanul Hakim Mohd Zahidi, 21, dan sepupunya, Mohd Amirul Asyraf Yaakub, 23, serta Mohammad Zikri Othman, 10, mati di tempat kejadian.

Seramai 10 penumpang yang cedera dirawat di Hospital Sultanah Nora, Batu Pahat, manakala lima lagi dihantar ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF) Muar.

Kemalangan berlaku ketika bas dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru itu dinaiki 17 penumpang, termasuk lima warga Indonesia dan seorang warga Filipina, dikendalikan seorang pemandu.

Warga Filipina, Rubi Santos, 28, yang hanya cedera ringan, berkata beliau dalam perjalanan pulang ke Johor Bahru untuk mula bekerja hari ini.

“Saya terkejut apabila penumpang lain mula menjerit ketakutan apabila bas secara tiba-tiba bergegar kuat dan terbalik ke kiri lebuhraya.



Penumpang bas ekspres yang cedera menunggu bantuan kecemasan tiba.

Gambar bawah, mayat mangsa ditutup sebelum dibawa ke hospital.

Rasai gegaran kuat

“Gegaran kuat diikuti bas berpusing dan terbalik itu menyebabkan saya terhumban keluar dari bas menerusi cermin hadapan yang pecah, menyebabkan kaki saya cedera,” katanya ketika ditemui di hospital.

Saksi kejadian, Amil Ibrahim, 41, berkata beliau sedang memandu dari Yong Peng ke Kuala Lumpur, sebelum terserempak mangsa kemalangan yang terbaring di tepi bas yang remuk.

“Saya sempat membantu beberapa mangsa yang sedang menangis ketakutan akibat kecederaan dan luka di badan masing-masing,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Superintendan Din Ahmad, berkata kemalangan itu sedang disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Beliau berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan lanjut berhubung punca kemalangan itu dan setakat ini, tiga penumpang disahkan mati di lokasi, manakala tujuh lagi cedera parah.



Dua sahabat maut dirempuh kereta

Sementara itu, kira-kira sejam selepas kemalangan bas itu, dua sahabat maut selepas terjatuh daripada motosikal sebelum dirempuh kereta di Kilometer 89.1 arah utara, jam 3.15 petang.

Dalam kejadian berkenaan, Mohd Lokmanul Hakim, 17, yang menunggang motosikal serta pemboncengnya, Faik Muzaffar, 15, yang juga cucu saudara kepada Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Aziz Kaprawi, mati di tempat kejadian.

Aziz berkata, cucu saudara bersama rakannya itu dalam

perjalanan pulang ke Segamat apabila terjatuh daripada motosikal selepas merempuh sebuah kereta yang sedang berhenti dan menukar tayar di lorong kecemasan berkenaan.

“Namun belum sempat mereka bangun, sebuah kereta merempuh mereka berdua menyebabkan keduanya cedera parah dan meninggalkan dunia di tempat kejadian,” katanya.

Difahamkan dua remaja itu dalam perjalanan pulang dari Johor Bahru selepas menyaksikan perlawanan bola sepak antara Johor Darul Takzim (JDT) dan pasukan Perak, malam kelmarin.